

30 JAN 1999

Ibrahim-Tol

JANGAN SERTAI PERHIMPUNAN BANTAH TOL

KUALA LUMPUR, 30 Jan (Bernama) -- Rakyat mesti rasional dan menjauhkan diri daripada menyertai perhimpunan haram bagi membantah kenaikan kadar tol yang dirancang diadakan esok, kata Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Ibrahim Ali.

Menurutnya, walaupun soal bayaran atau kenaikan tol membabitkan rakyat, mereka tidak harus membenarkan diri mereka dipergunakan oleh golongan tertentu yang mahu mendapat pengaruh politik semata-mata.

"Saya menyeru rakyat agar tidak membiarkan diri mereka diperkuda oleh pihak-pihak ini kerana parti-parti pembangkang ini sebenarnya ketandusan isu," katanya kepada Bernama, hari ini.

Beliau mengulas laporan akhbar "Harakah" milik PAS, yang semalam mengajak orang ramai berhimpun secara aman di plaza-plaza tol di seluruh negara esok sebagai membantah keputusan kerajaan untuk menaikkan kadar tol.

Menurut akhbar itu, perhimpunan itu akan dianjurkan bersama oleh PAS, DAP, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dan beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) lain.

Parti Rakyat Malaysia (PRM), dalam satu kenyataan hari ini juga menjemput pihak media massa mengadakan liputan mengenai perhimpunan aman yang akan diadakannya di Plaza Tol Sungai Pencala di Lebuhraya Puchong-Damansara (LDP) pukul 10 pagi esok.

Rabu lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sewaktu mengumumkan penurunan kadar tol untuk LDP daripada RM1.50 kepada RM1 bagi kenderaan persendirian, turut mengumumkan kenaikan sebanyak 0.75 sen sekilometer untuk kereta persendirian bagi Lebuhraya Utara-Selatan.

Kedua-dua kadar itu berkuatkuasa selepas Tahun Baru Cina yang akan disambut pada 16 dan 17 Feb ini.

Ibrahim berkata beliau "kagum" terhadap PAS kerana sanggup bekerjasama rapat dengan DAP dalam banyak hal.

"Saya ucapkan tahniah kepada PAS dan juga Abim kerana sanggup berketuakan (Lim) Kit Siang (Setiausaha Agung DAP)," katanya.

-- BERNAMA

RA MAI